



**KENYATAAN MEDIA
LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)**

“PELADANG MADA CEKAL TEMPUH CABARAN PERUBAHAN IKLIM”

Merujuk kepada laporan oleh akhbar Utusan Malaysia bertajuk **“Hasil Padi Susut”** bertarikh 1 Mac 2023, agensi ini ingin memberi maklumbalas berhubung perkara tersebut.

1. Sebagai makluman aktiviti penanaman padi amat berkait dengan faktor semulajadi seperti hujan dan suhu bagi memastikan pertumbuhan tanaman dalam keadaan yang baik dan dapat memberikan hasil yang tinggi. Kebelakangan ini didapati ketidaktentuan iklim telah memberi kesan ke atas pengeluaran tanaman padi. Kejadian-kejadian seperti banjir dan kemarau bukan sahaja mengurangkan hasil pengeluaran malahan telah mengakibatkan kemusnahan tanaman.
2. Perubahan iklim telah menyebabkan pola turunan hujan bulanan tidak menentu serta intensiti turunan yang lebat pada masa yang singkat. Keadaan ini telah memberi implikasi berlakunya kejadian banjir yang lebih kerap dan kejadian tanah jerlus. Berdasarkan rekod, purata jumlah turunan hujan pada Februari sehingga Mac pada tahun 2021-2022 ini telah meningkat kepada 170 mm berbanding purata hujan 20 tahun MADA iaitu 89 mm.
3. Keadaan ini seterusnya menyebabkan tanah tidak mendapat tempoh rehat (*fallow period*) yang mencukupi untuk mengekalkan kekuatan lapisan keras (*hard pan*). Pada tahun 2022, seluas 2,724 hektar sawah terlibat dengan kejadian tanah jerlus yang telah menjejaskan pengeluaran padi.

4. Kejadian banjir yang kerap ini telah menyebabkan aktiviti penanaman padi tidak dapat dilaksanakan seperti jadual tanaman yang telah ditetapkan. Kelewatan penanaman telah mengganggu pengurusan aktiviti amalan agronomi yang disyorkan mulai daripada peringkat penyediaan tanah sehingga penuaian. Kegagalan pematuhan jadual penanaman telah menjejaskan hasil pengeluaran padi.
5. Dalam tempoh lima (5) tahun kebelakangan ini (2018 sehingga 2022) Kawasan Muda mengalami sebanyak 15 fenomena bencana alam seperti banjir, ribut dan kemarau serta insiden tanah jertus. Kejadian fenomena tersebut menjejaskan pengeluaran hasil padi melibatkan keluasan 19,672.65 hektar sawah.
6. Pihak MADA terus komited dalam usaha untuk menangani isu perubahan iklim melalui penambahbaikan penyelenggaraan saluran-saluran utama air di peringkat ladang, pemulihan infrastruktur kecil, pemulihan tanah sawah melalui penggunaan bahan pemulih tanah dan kajian semula jadual penanaman padi.
7. Selain daripada itu, MADA turut mengambil langkah untuk meningkatkan hasil padi melalui memperkemaskan mekanisme pemberian input pertanian kepada peladang, pemerksaan aktiviti pengembangan dan mewujudkan kerjasama dengan pemain industri di Kawasan Muda.
8. Pihak MADA optimis dengan langkah-langkah jangka sederhana dan jangka panjang yang sedang diambil serta dokongan daripada kerajaan Malaysia MADANI melalui insentif-insentif terus kepada peladang seperti diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam Belanjawan 2023 yang mampu membantu peladang-peladang mendepani cabaran industri padi.

Disediakan Oleh :

Cawangan Komunikasi Korporat

Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)

1 Mac 2023